

# LONELY VECTORS


3 JUN – 4 SEP | TANJONG PAGAR DISTripARK  
SINGAPORE ART MUSEUM

**sam**  
singaporeartmuseum  
CONTEMPORARY ART IN SOUTHEAST ASIA

## *Vektor-vektor Sepi*

*Vektor-vektor Sepi* (*Lonely Vectors*) mengambil petunjuk daripada ruang baharu SAM di Tanjong Pagar Distripark. Dengan jaraknya yang dekat dengan pelabuhan, tapak ini mewakili ekonomi global dan koreografi pergerakannya. Pameran ini mencerminkan hal itu dan mempertimbangkan, selain peredaran barang dan komoditi, aliran darat yang lain seperti insan-insan dan sejarah-sejarah yang telah dibebaskan dari tambatan dan dibawa arus pergerakan dunia ini. Dari pembinaan zon ekonomi khas hingga corak penghijrahan, dari pengedaran benih hingga perjuangan petani menentang ladang-ladang mega, dari aliran tanah dan air yang tidak seimbang ke kosmologi dan dunia yang semakin hilang, *Vektor-vektor Sepi* memaparkan kepelbagaiannya dalam cara kita menjalin hubungan.

## LEVEL 1



## Koreografi Buruh

- <sup>1</sup> Bo Wang  
*Pancutan Dalaman*  
(*Fountain of Interiors*)  
2022

Tetulang keluli tiang konkrit, tiub pendarfluor, tapak cermin dan pokok-pokok berpasu; dimensi boleh ubah

- <sup>2</sup> P7:1SMA  
*Memuat/Memunggah*  
2022

Persembahan, instalasi video, modul logam dan plat keluli; dimensi boleh ubah

- <sup>3</sup> Cian Dayrit  
*Pohon Keinsafan*  
(Dengan kerjasama Henry Caceres)  
2022

Buku-buku, peta-peta, sulaman dan cetakan digital di atas fabrik; dimensi boleh ubah

## Peta Haba dan Zon Panas

- <sup>1</sup> Shu Lea Cheang  
*UKI VIRUS MELURU*  
2022

Instalasi digital; Video: HD, tujuh saluran, format 16:9, warna dan bunyi, 2 min (gelung)

- <sup>2</sup> Ho Rui An  
*Ekonomi Memasuki Rakyat*  
2021–2022

Kuliah, instalasi video, cetakan digital di atas kertas, meja persidangan, kerusi pejabat, meja, bangku, troli buku, buku-buku, kelalang termos, cawan, piring dan pemegang plat nama akrilik; dimensi boleh ubah

- <sup>3</sup> Tiffany Chung  
*Rekonstruksi suatu sejarah penghijrahan: trajektori bot, pelabuhan suaka pertama dan negara-negara penempatan semula*  
2017

Sulaman di atas fabrik, 140 × 350.5 sentimeter

## Ekologi Lebih Daripada Manusia

- <sup>1</sup> Ho Tzu Nyen  
*H untuk Humiditi*  
2022–

Instalasi realiti maya, bunyi ambisonik, 9 min

- <sup>2</sup> Zarina Muhammad, Joel Tan dan Zachary Chan  
*Diorama Untuk Tanjung Rimau*  
2022

Instalasi video pelbagai saluran, balang penapaian, alat-alat muzik tiupan, rumah-rumah roh, dayung yang diselamatkan, pasir dan batu; dimensi boleh ubah

## LEVEL 5

- <sup>2</sup> Lebih banyak pameran *Diorama untuk Tanjung Rimau* boleh dilihat di koridor menghadap Pelabuhan Tanjong Pagar, Tingkat 5

## ~ Koreografi Buruh

Yang memudahkan pengaliran global barang dan modal ialah suatu kuasa yang sama magnitudnya: tenaga buruh. Ramai pekerja bergerak untuk mencari pekerjaan yang menjanjikan pendapatan, termasuk buruh sementara. Proses globalisasi telah dialu-alukan dengan penuh pesona sebagai zaman perdagangan bebas dan pergerakan sejagat dan walaupun perkara itu pastinya benar bagi golongan elit yang hipermobil, ia tidak sama bagi buruh-buruh ini.

Terletak di luar Galeri 1, penciptaan *Pancutan Dalaman* (*Fountain of Interiors*) oleh Bo Wang didasari oleh residensi artis tersebut pada tahun 2016 yang melibatkan beliau mengambil contoh suhu cahaya di pelbagai lokasi merata Singapura. Beliau mendapat bahawa suhu cahaya di asrama pekerja hijrahan adalah yang paling menyilaukan dan paling biru antara spesimen yang dikumpulkannya, terutama jika dibandingkan dengan pencahayaan persekitaran yang mesra dan hangat di ruang-ruang penggunaan yang terletak di pusat bandar Singapura. Berdasarkan pengamatan ini, *Pancutan Dalaman* mengalihkan perhatian ke arah seni bina dan pembinaan. Pekerja hijrahan sangat penting bagi landskap urban Singapura dan *Pancutan Dalaman* menyuluhi hal ini dengan mendedahkan kerangka struktur yang terdapat di banyak bangunan—tetulang keluli tiang konkrit. Dari atas, lampu menyinari tetulang tiang tengah, mencipta suatu aliran cahaya bak air terjun yang terang lagi menyilaukan dan dikelilingi oleh beraneka tumbuh-tumbuhan sejadi dan plastik. Sama seperti mercu tanda seni bina tempatan yang lain, karya Wang terimbang antara buatan manusia dan alam semula jadi. Karya ini menyoroti tuntutan keadaan bekerja yang dihadapi oleh buruh sementara serta pengalaman hidup mereka yang terasing di bawah kesilauan cahaya bandar yang dibina atas penat lelah dan kerja keras mereka.

*Memuat/Memunggah* (*Loading/Unloading*) oleh P7:1SMA ialah respons terhadap jarak pameran dengan pelabuhan Tanjong Pagar yang berdekatan melalui suatu instalasi dan rangkaian campur tangan somatik. Struktur beralun yang utama bersifat modular dan akan dibongkar dan dipasang semula oleh artis-artis P7:1SMA dalam siri persembahan dan pengaktifan yang akan berlangsung sepanjang pameran. Apabila artis-artis mengimbangkan, menyusun atau menggerakkan struktur modular semasa persembahan tersebut, struktur itu akan beransur-ansur menjadi rata dan hilang keandalannya. Di sebelahnya, penonton juga akan berdepan dengan sebuah filem yang mendokumentasikan latihan dan pengaktifan kumpulan kolektif ini. Para seniman telah mengadakan perbualan yang panjang lebar dengan pekerja-pekerja kasual pelabuhan di sekitar Tanjong Pagar dan menggabungkan pemerhatian masa nyata terhadap ruang seni bina pelabuhan ke dalam koreografi mereka. *Memuat/Memunggah* mempersoalkan naratif dominan bahawa struktur-struktur mega buatan manusia seperti sebuah pelabuhan perkapalan adalah sangat cekap, dan mendesak kita untuk mengakui bagaimana pekerja yang menopang sistem ini telah dianggap tidak wujud.

*Pohon Keinsafan* (*Penitent Plant*) memusatkan peranan negara Filipina sebagai pengekspor pisang ketiga terbesar di dunia. Dengan menelusuri pengeluaran dan konsumsi pisang Cavendish, Cian Dayrit membongkar rantai pembekalan dan permintaan global untuk buah tropika tersebut. Dayrit tidak meninjau prasarana sedia ada yang membolehkan pengeluaran dan konsumsi pisang Cavendish, sebaliknya mengalihkan perhatian kita kepada pengalaman pekerja dan kisah mereka. Tekstil utama memaparkan sebatang pokok pisang yang dikelilingi oleh rujukan-rujukan kepada organisasi dan pemain industri yang menguasai perniagaan menanam dan mengekspor buah ini dan ini pula terbina dengan gabungan gambar-gambar ladang-ladang pisang di Mindanao. Karya ini diiringi oleh rangkaian lukisan dan teks yang menjadi titik rujukan artis dalam menghasilkan karya ini.

Jika dilihat sebagai suatu kelompok, ketiga-tiga karya ini mengajak kita mempertimbangkan semula ekonomi global, dan irama pengeluaran dan konsumsinya. Mudah untuk kita mengandaikan bahawa ekonomi global bergerak lancar seperti sebuah mesin terutama sekali apabila berdepan dengan sebuah kawasan seperti Tanjong Pagar Distripark. Namun, keseluruhan infrastruktur ekonomi global ini bergantung pada koreografi buruh yang bukan “penggerak” dunia, tetapi yang digerakkan merata dunia atas sebab-sebab di luar kawalan mereka.

## ● Peta Haba dan Zon Panas

Pemahaman kita tentang ruang fizikal sering dipermudah melalui penggunaan peta. Peta topografi menelusuri permukaan bumi dan berfungsi sebagai dokumen dan juga tinjauan tanah. Peta-peta ini dikatakan sebagai neutral, tetapi para seniman telah mempersoalkan anggapan ini sambil meneliti berulang kali kemungkinan bagaimana peta mungkin boleh diimajinasikan semula untuk menangkap sepenuhnya kepelbagaian dan nuansa kehidupan di bumi.

Kartografi boleh menjadi alat keganasan dan penindasan yang sering digunakan oleh institusi-institusi untuk membenarkan atau melakukan pengambilan sumber. Melalui *Pohon Keinsafan*, Cian Dayrit memeras, membelah dan merungkai pembuatan peta, dan mencabar kekuasaannya. Peta lukisan tangan yang terdapat dalam karya ini ialah hasil bengkel pemetaan balas. Setiap peta merupakan himpunan berbeza yang memperlihatkan rutin harian pekerja dan menerapkan tindakan saintifik kartografi dengan gurauan subjektif. Dengan memasukkan dokumen-dokumen ini dalam karya ini, seniman tersebut mengajak penonton untuk mempertimbangkan ketidaksempurnaan dalam pengumpulan data dan mendesak kita untuk menyokong cerita-cerita dari pinggiran mengikut syarat mereka sendiri.

Keperluan untuk mengesan, meninjau dan mencari ini juga telah mempengaruhi karya Tiffany Chung. Dalam *Rekonstruksi suatu sejarah penghijrahan: trajektori bot, pelabuhan suaka pertama dan negara-negara penempatan semula* (*Reconstructing an exodus history: boat trajectories, ports of first asylum and resettlement countries*), Chung mengesan pergerakan pelarian antara tahun 1979 dan 1989 dengan sebuah peta bersulam. Pelarian-pelarian ini yang biasanya tidak disertakan langsung dalam peta menjadi tumpuan utama dalam karya-karya Chung. Jahitan Chung yang keamatian dan jaraknya berbeza-beza ialah kiasan terhadap jurang yang terdapat dalam peta dan carta, serta sejarah peribadi pelarian-pelarian yang sengaja dilupakan. Karya ini sebahagian daripada projek jangka panjang Chung, *Projek Penghijrahan Vietnam* (*The Vietnam Exodus Project*), yang menggabungkan penyelidikan akademik dengan usaha menjalin hubungan dan aktivisme yang dijalankan bertahun-tahun lamanya. Walaupun peningkatan mobiliti ialah trend di dunia yang saling berkaitan hari ini, artis ini meminta kita untuk mempertimbangkan soal penghijrahan di Asia Tenggara—sama ada sukarela atau dipaksa—sebagai fenomena pelbagai aspek.

Penyelidikan Ho Rui An yang berterusan menumpukan perhatian kepada vektor politik dan ekonomi di Asia Timur dan Tenggara sejak permulaan abad ke-20. Dalam karya baharunya, *Ekonomi Memasuki Rakyat* (*The Economy Enters the People*), beliau menyorot peranan Singapura dalam peralihan ekonomi China. Keadaan ekonomi global hari ini tidak mungkin berlaku tanpa kemunculan pasaran China selepas pembaharuan ekonominya pada tahun 1970-an. Ho melihat seluruh generasi pemimpin China yang mengikuti rakan sejawat dari Singapura dengan mengambil “ekonomi” sebagai tumpuan utama pemerintahan mereka. Karya ini berbentuk satu persembahan kuliah dan instalasi yang merujuk kepada beberapa perhimpunan dan pertemuan antara wakil-wakil China dan Singapura. Inti karya terletak pada persoalan: Apakah itu “ekonomi” dan bagaimanakah kita memantau dan mentadbirkannya?

*UKI VIRUS MELURU* (*UKI VIRUS SURGING*) ialah lelaran baharu siri *UKI* (2009–) yang berterusan oleh artis Shu Lea Cheang yang juga digagaskan sebagai susulan filem sebelumnya iaitu *I.K.U.* (2000). Reproduksi dari segi biologi dan sosial tetap menjadi tumpuan utama dalam kebanyakan karya Cheang apabila beliau mengamati kemampuan selular badan untuk berevolusi dan selanjutnya, kemampuan masyarakat untuk menjadi sesuatu yang lain sama sekali, mentakrifkan semula jantina, peranan dan mekanisme sosial. Sebilangan besar senario cureka sains dalam karya Cheang bersumber daripada keterlibatan beliau dengan kejatuhan ekonomi baru-baru ini (pertama kali pada tahun 2000–2002, kemudian pada tahun 2007–2008), yang mana beliau membayangkan semula cara berbeza untuk berhubung kembali dengan orang lain.

Karya-karya ini memungkinkan cara alternatif untuk memetakan semula ekonomi global dan menempatkan orang dan badan yang melakukan dan menghasilkan semula aliran ini di baris hadapan. Dengan memfokus pada badan-badan ini dan potensi selular mereka untuk berevolusi, mereka mengingatkan kita bahawa dunia lain memang ada.

## ▲ Ekologi Lebih Daripada Manusia

Dakwaan bahawa kita kini hidup dalam era Anthropocene—zaman kegiatan manusia membawa kesan dramatik terhadap persekitaran kita, hingga kita sekarang beroperasi dengan magnitud yang setanding dengan kuasa geologi kerana tindakan kita berupaya mengubah permukaan geofizik bumi—sudah lapuk. Sebilangan besar kuasa geologi Antropogeni berpunca daripada vektor ekonomi global, dan bagaimana vektor ini semakin membentuk semula dan merosakkan permukaan bumi. Untuk melindungi masa depan kita, pengawasan global planet ini tidak boleh terus dikendalikan dari bilik kawalan biasa; ia memerlukan kita untuk memahami dunia-dunia lain yang telah hilang ditelan masa.

Siri *UKI* (2009–) Shu Lea Cheang yang berterusan ialah titik masuk yang baik untuk jalur pemikiran ini sambil kita menganggap potensi selular kita menjadi sesuatu yang lain daripada kita sendiri. Karya ini ialah suatu cereka sains yang sentiasa berkembang dan berfungsi sebagai tindak balas kritis terhadap krisis kewangan global pada tahun 2000-an, mendorong kita untuk mempertimbangkan semula kemungkinan susunan sosial yang berbeza sama sekali. Dalam alam semesta *UKI* Cheang, semua yang kita anggap sebagai “normal” atau “manusiawi” selalunya dan sememangnya pelik. Karya Cheang tidak melihat kemanusiaan dari satu sudut sahaja, sebaliknya mengesyorkan bahawa kita mengandungi kepelbagai dan kita sentiasa dan memang sudah lebih daripada manusia.

*H untuk Humiditi (H for Humidity)* oleh Ho Tzu Nyen berusaha untuk mengubah dan membayangkan semula Asia Tenggara sebagai dunia air dan udara. Ini berdasarkan fakta bahawa rantau ini memiliki kadar hujan dan kelembapan tertinggi, dan bagaimana mitos penciptaan sering bermula dengan laut yang bergelora. Ia juga mengambil punca daripada sejarah kolonial rantau ini—khususnya Singapura—tentang pengurusan air dan kerja-kerja awam, dan perjuangan berhawa dingin kita menentang kelembapan dalam zaman perubahan iklim. Pada saat paras permukaan laut sedang naik, apakah maksudnya bagi kita menjadi “seperti air”?

Sebilangan pulau kecil mengelilingi pantai selatan tanah besar Singapura. Pulau-pulau ini termasuk yang telah dinamakan semula—and dijenamakan semula—iaitu Pulau Blakang Mati, atau Sentosa. Hari ini, Sentosa terkenal sebagai destinasi pelancongan urban, tetapi di sini jugalah wujudnya Tanjung Rimau, sebuah landskap pesisir yang dilindungi dan ekosistem yang terdiri daripada makhluk perban niaga dapat hidup biak. Dalam karya *Diorama Untuk Tanjung Rimau (Dioramas for Tanjung Rimau)*, Zarina Muhammad, Joel Tan dan Zachary Chan merujuk kepada tapak ini dan tepian air selatan Singapura yang telah diperuntukkan untuk pembangunan semula. Karya ini menampilkan bejana-bejana yang menggelegak dan membisikkan mantera, menarik khalayak ke alam bunyi-bunyian karya instalasi tersebut. Melihat ke arah tanah dan lapisan sejarahnya, karya ini menggunakan kosmologi kuno dan laluan roh sebagai cara untuk mengingati. Di sini, “kosmologi” digunakan untuk merujuk kepada pemahaman bersama masyarakat mengenai pembentukan dan penyusunan dunia yang sering mengaitkan alam manusia dengan alam yang lebih daripada manusia. Dilupakan selama beberapa generasi, kehidupan masa lampau tersembunyi di depan mata sungguhpun di tempat-tempat yang dibangunkan semula hingga tidak dikenali lagi, di antara pangsapuri mewah dan pencakar langit yang melambangkan persekitaran bandar hari ini.

Berlatarbelakangkan Tanjung Pagar Distripark yang sibuk, ketiga-tiga karya ini mengundang kita untuk mempertimbangkan semula apa yang dipertaruhkan jika segala urusan berjalan seperti biasa dan jika kita terus membaham dunia di sekitar kita. Apakah yang akan berlaku selepas suatu nahas—atau selepas kita pupus sebagai satu spesies—apabila kubu-kubu melangit yang telah kita bina terbukti tidak mencukupi untuk melindungi kita daripada paras air laut yang semakin meninggi? Mungkin sudah tiba masanya kita mengenali dan berhubung kembali dengan dunia-dunia lain yang sudah lama dianggap hilang.

# Maklumat mengenai Perpustakaan Awam dan Dinding Andang

Pameran *Vektor-vektor Sepi* dipersembahkan di beberapa tempat, termasuk perpustakaan tempatan dan dinding andang. Maklumat mengenai tapak pameran kami yang lain tertera seperti berikut:

- ◆ *Si Ketam Hijau: Gambar Rajah Susunan Ruang Bertuah*  
(*The Green Crab: A Diagram of Auspicious Spatial Organization*)  
Zheng Mahler

19 Feb–28 Ogos 2022, Dinding andang sekeliling bangunan SAM di Bras Basah dan 8 Queen Street

*Si Ketam Hijau* ialah peta spekulatif *feng shui* Singapura yang menyediakan panduan alternatif untuk mengemudi sekitar bandar. dicipta oleh pasangan artis Zheng Mahler dengan kerjasama Ian Tan, sejarawan seni bina Singapura dan One Bite Design Studio, karya ini menyangkal kritikan bahawa Singapura ialah suatu persekitaran yang dibuat-buat dan tidak tulen. Karya ini melangkau kemodenan fungsian negara ini dan mendedahkan aliran *qi* “kerohanian negara” yang tersembunyi dan telah ditenun ke dalam perancangan induk Singapura untuk pembangunan bandar. Walaupun karya ini disesuaikan dengan prinsip alamiah *feng shui*, mungkin kita harus mencari pendekatan yang lebih inklusif terhadap persekitaran kita yang membolehkan kosmologi dan kejuruteraan untuk wujud bersama.

- ✓ *Membenih Kedaulatan*  
(*Seeding Sovereignty*)  
Chu Hao Pei

1–31 Mar 2022, Perpustakaan Awam Bedok  
2 Apr–6 Jun 2022, Perpustakaan Awam Ang Mo Kio  
8 Jun–24 Jul 2022, Perpustakaan Daerah Jurong  
27 Jul–11 Sep 2022, Perpustakaan Daerah Tampines

*Membenih Kedaulatan* ialah usaha artis Chu Hao Pei untuk menyediakan kaedah alternatif bagi pengagihan benih. Karya ini dibentuk sebagai sebuah perpustakaan benih, dan direka untuk dibangunkan berdasarkan pengetahuan sepunya, mengesahkan kebergantungan bersama dan membayangkan semula cara-cara yang berbeza untuk mengatur diri kita sendiri. Ia muncul daripada minat jangka panjang artis terhadap beras dan peredarannya di Singapura dan Asia Tenggara. Sebagai ekonomi alternatif pengedaran semula benih dalam kalangan rakan setara, karya ini memperlihatkan koreografi buruh yang berbeza dan jauh lebih telus, serta bergantung pada hubungan tidak formal.